



8

PENANAMAN BAWANG BERSKALA BESAR

Inisiatif pengukuhan benih bawang serta penanaman bawang berskala besar dengan sasaran penghasilan bawang tempatan sebanyak 30% menjelang tahun 2030.



9

NANAS Sekali Tanam Tiga Kali Tuai

Strategi Pembangunan Industri Nanas diperkukuhkan melalui pelaksanaan Inisiatif **Sekali Tanam, Tiga Kali Tuai** serta strategi untuk meningkatkan pengeluaran nanas bagi menampung permintaan eksport nanas yang tinggi di peringkat global. Konsep tanaman nanas iaitu Sekali Tanam, Tiga Kali Tuai memberi penekanan kepada hasil tuaian buah, benih dan sisa nanas yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



@kpkmmalaysia

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Aras 1, Wisma Tani, No. 28, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624 Putrajaya

www.kpkmm.gov.my



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

HALA TUJU DAN INDUSTRI FOKUS 2023 – 2030



AKUAKULTUR

2023



TERNAKAN



JAGUNG BIJIAN



BELIA



INSTITUT LATIHAN
PERTANIAN



GELOMBANG PADI



BEKALAN AYAM
TERJAMIN



PENANAMAN BAWANG
BERSKALA BESAR



NANAS:
SEKALI TANAM, 3 KALI TUAI

2024



1 MEMPERKASA INDUSTRI AKUAKULTUR

Pengeluaran ikan daripada industri akuakultur disasarkan untuk menyumbang sebanyak 40% kepada pengeluaran perikanan negara pada 2030. Penumpuan terhadap spesies akuakultur seperti tilapia, udang marin, rumpai laut dan kerang dilihat berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan pengeluaran akuakultur.



2 MEMPERKASA INDUSTRI TERNAKAN

KPKM akan memperkukuh industri ruminan negara secara keseluruhan dengan sasaran peningkatan pengeluaran daging tempatan kepada 50% menjelang 2030.



3

JAGUNG BIJIAN

KPKM mensasarkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah keperluan jagung bijian menjelang tahun 2030 melalui pembangunan industri jagung bijian yang holistik. Menggunakan pendekatan PINTAR, satu pelan yang dinamakan GRAIN30 akan menjadi asas kepada pembangunan industri ini meliputi tadbir urus dan dasar yang kukuh dan jelas, penanaman berskala besar dengan kerjasama syarikat-syarikat swasta, kerajaan negeri serta kementerian dan agensi, penggunaan mekanisasi dan automasi sepenuhnya, inovasi dalam pembangunan varieti dan agronomi serta pembentukan ekosistem yang tersusun dan menyeluruh.



4

BELIA PENERUS LEGASI PERTANIAN NEGARA

Meremajakan sektor pertanian dengan menggalakkan penglibatan golongan belia, mengaplikasikan teknologi pertanian moden serta mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian. Golongan belia juga dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi pertanian moden dan pintar selaras dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0)



5

PEMERKASAAN INSTITUT LATIHAN PERTANIAN

Usaha secara berterusan bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan memastikan bahawa TVET dalam bidang pertanian adalah setara dan setanding dengan bidang TVET yang lain. Usaha-usaha yang dilaksanakan adalah selari dengan perancangan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021-2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan juga Dasar TVET Negara 2030.

6

GELOMBANG PADI

Program Gelombang Padi merupakan langkah proaktif KPKM bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi negara selain meningkatkan pendapatan para pesawah. Sebanyak 12 inisiatif langkah jangka masa sederhana dan panjang telah digariskan bagi menambahbaik struktur industri sepanjang rantaian nilai supaya sejajar dengan perkembangan semasa dan seterusnya memastikan struktur tersebut adalah kekal relevan dan mampan.



BEKALAN AYAM TERJAMIN

Tahap sara diri pengeluaran ayam kepada 140% menjelang 2030

7

